

Berita Harian MALAYSIA

KHAMIS, 12 JULAI, 1979

Di mana simbol keagungan UMNO?

LEBIH sedikit dua puluh tahun dulu, rombongan-rombongan orang Melayu yang berkunjung ke Kuala Lumpur merasa lawatan itu belum lengkap jika tidak menjengah Rumah UMNO di Jalan Tuanku Abdul Rahman (Batu Road masa itu), dan kalau boleh bergambar di depannya. Bangunan Ibupejabat UMNO Malaysia itu ternyata menjadi kemegahan bagi mereka, tanda penghormatan bawah sadar terhadap jasa dan perjuangan parti itu. Tetapi sekarang ke manakah mereka mesti pergi? Rumah UMNO itu sudah tidak boleh dibanggakan lagi kerana bangunan pencakar langit yang lain telah begitu banyak dan lebih menakjubkan. Malah bangunan Ibupejabat MIC di Jalan Tun Ismail jauh lebih hebat daripada Rumah UMNO. Kerana itu sudah sampailah masanya sebuah lagi bangunan Ibupejabat UMNO yang selaras dengan kemajuannya dan juga kemajuan negara masa ini didirikan segera untuk dapat terus menjadi simbol keagungannya dan kebanggaan orang Melayu.

Timbalan Presiden UMNO Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyebut Ahad lalu rancangan parti itu memungut derma langsung dari ahli-ahlinya bagi membiayai pembinaan bangunan yang dicadangkan di tapak seluas sembilan ekar di Jalan Tun Ismail Kuala Lumpur. Anggaran perbelanjaannya sekarang ialah \$130 juta, jumlah wang yang memang amat besar tetapi tidak patut dianggap membazir memandangkan fungsinya sebagai lambang perjuangan politik Melayu di negaranya sendiri. Dr. Mahathir merancang untuk memungut seringgiti dari tiap ahli sebulan, yang berarti sekurang-kurangnya setengah juta ringgit sepatutnya boleh terkumpul tiap bulan dari ahli-ahli UMNO seramai 600,000 itu. Jika ahli-ahli UMNO taat menghulurkan derma bulanan mereka, dalam tempoh setahun pertama saja sejumlah sekurang-kurangnya \$6 juta sudah boleh dikumpulkan dan memadai untuk kerja-kerja asas pembinaannya.

Tetapi derma itu sepatutnya tidak datang dari ahli-ahli UMNO saja. Ramai orang Melayu, sama ada ahli UMNO atau pun bukan, yang telah mendapat nikmat kemewahan hasil perjuangan kemerdekaan UMNO — mereka yang kini menjadi usahawan-usahawan besar, pegawai-pegawai tinggi dan sebagainya. Malah setiap orang Melayu sepatutnya menghulurkan derma kerana perjuangan UMNO itulah antaranya yang telah memelihara maruah mereka di negara ini. Jika MIC dengan ahli yang jauh lebih kecil berkemampuan mendirikan bangunan tersergam lebih dulu daripada UMNO, tidak ada sebab, sepatutnya, UMNO tidak boleh berbuat demikian. Sekiranya kempen pengutipan derma dilancarkan dengan bersungguh-sungguh dan teratur, kita rasa rombongan-rombongan luarbandar akan dapat semula bergambar dengan megah di depan sebuah Bangunan UMNO Malaysia yang baru tidak lama lagi.